

# UMP jalin kerjasama dalam industri gelatin halal

**PEKAN 20 Feb.** - Universiti Malaysia Pahang (UMP) komited meneroka prospek pengembangan industri gelatin halal dengan kepakaran penyelidikan saintifik dan syariah yang dimilikinya sama ada daripada sektor swasta atau awam.

Sehubungan itu, universiti berkenaan memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang dilihat mempunyai potensi besar dalam industri tersebut dari sudut nilai komersial dan pengembangan keusahawanan.

Naib Canselor UMP, Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, kerjasama berkenaan melibatkan jalinan kerjasama pembangunan penyelidikan dan perkongsian kemudahan, data, pengetahuan dan kemahiran serta lain-lain sumber untuk manfaat bersama.

"Dengan penubuhan sebuah Pusat Inkubator Pengeluaran Gelatin Halal yang berkeupayaan mengeluarkan 360 metrik tan gelatin setahun, pengeluaran ini dijangka dapat menyumbang sekurang-kurangnya 0.08 peratus pasaran gelatin dunia.

"Pada masa ini, pembangunan



**DAING NASIR IBRAHIM** (empat dari kiri) dan **Quaza Nizamuddin Hassan Nizam** (dua dari kanan) bertukar dokumen selepas menandatangani MoU di Pekan, Pahang, semalam. - **UTUSAN/SHARIFAH HAZIRAH SYED JUFFERI**

Pusat Inkubator Pengeluaran Gelatin Halal masih berada pada tahap 26 peratus yang meliputi penyediaan premis, infrastruktur, kelengkapan loji serta pembentukan rantaian bekalan halal berkaitan," katanya pada majlis menandatangani MoU berkenaan di sini hari ini.

Majlis itu menyaksikan beliau dan Timbalan Naib Canselor (Aka-

demik dan Antarabangsa) UMP, Prof. Datuk Dr. Mashitah Mohd. Yusoff mewakili universiti berkenaan manakala Jabatan Perkhidmatan Veterinar diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Quaza Nizamuddin Hassan Nizam serta Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Inovasi jabatan itu, Dr. Chandrawathani Panchacharam.

Menurut Daing Nasir, beberapa siri perbincangan dan rundingan yang dijalankan sebelum ini menghasilkan pemuafakatan antara pihak-pihak terlibat termasuk penubuhan sebuah kumpulan kerja bersama yang mempunyai fungsi pemantauan dan penasihat terhadap rangka kerja yang dikenal pasti.